

**“MENYANTUNI KEPELBAGAIAN
 MEMPERTAHANKAN KEHARMONIAN”**
 (7 Disember 2018/29 Rabi’ul Awwal 1440)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَلَّفَ بَيْنَ الْقُلُوبِ بَوَحْدَةِ الْإِسْلَامِ، وَجَمَعَ شَتَاتِ النَّاسِ لِيَعْبُدُوهُ
 وَيَدْخُلُوا دَارَ السَّلَامِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، أَمَرَ بِالِإِعْتِصَامِ،
 وَحَذَرَ مِنَ الْفُرْقَةِ وَالِإِخْتِصَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، وَضَعَ أُسُسَ
 الْوَحْدَةِ، وَأَقَامَ لِلتَّوْحِيدِ مَنَارًا بَيْنَ الْأَنَامِ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا
 مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ الْعِظَامِ، وَعَلَى مَنْ تَبِعَهُمْ وَاسْتَنَّا بِهَدْيِهِمْ عَلَى مَدَارِ
 الْأَزْمَانِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ جَلِّ
 وَعَلَا، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ؕ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi
 sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah ﷻ dengan
 bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan
 segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keberkatan
 hidup di dunia dan di akhirat. Pada hari yang penuh keberkatan ini, mimbar
 akan membicarakan khutbah berkenaan **“Menyantuni Kepelebagaian
 Mempertahankan Keharmonian”** seiring dengan *Sunnatullah* yang
 mentakdirkan kepelebagaian dan keragaman manusia supaya saling beramah
 mesra antara satu sama lain sebagai mana firman-Nya dalam surah al Hujurat
 ayat 13:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ
 اللَّهِ أَنْفُسُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari kalangan lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Ibn ‘Asyur dalam tafsirnya menjelaskan makna ayat tadi melalui hadis Rasulullah ﷺ sewaktu khutbah Haji Wada’ sebagai mana riwayat Imam Ahmad yang berbunyi:

"يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَلَا إِنَّ رَبُّكُمْ وَاحِدٌ وَأَنَّ آبَاءَكُمْ وَاحِدٌ لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَى عَجَمِيٍّ وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَى عَرَبِيٍّ وَلَا لِأَسْوَدَ عَلَى أَحْمَرَ وَلَا لِأَحْمَرَ عَلَى أَسْوَدَ إِلَّا بِالتَّقْوَى"

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Ketahuilah bahawa Tuhan kamu adalah satu, dan bapa kamu adalah satu (Nabi Adam a.s); dan tiada kelebihan orang Arab ke atas orang ‘Ajam atau orang ‘ajam ke atas Arab, atau orang kulit hitam ke atas yang berkulit merah atau sebaliknya, kecuali menurut nilai taqwa.”

Sayyid Qutb berkata: “Perbezaan bahasa dan warna kulit, perbezaan tabiat dan akhlak, perbezaan kebolehan dan bakat-bakat adalah perbezaan yang tidak seharusnya membawa kepada pergaduhan dan perbalahan, malah ia sewajarnya membawa kepada tolong-menolong dan kerjasama yang erat untuk melaksanakan tugas-tugas kemanusiaan yang saling melengkapi keperluan umat manusia. Warna kulit, bangsa, bahasa dan negara tidak mempunyai nilai menurut neraca Allah ﷻ kerana di sana hanya neraca taqwa merupakan satu-satunya neraca yang menentukan nilai dan kelebihan manusia.

Justeru, Islam tidak pernah memusuhi perbezaan pendapat dan kebebasan pemikiran. Bahkan Islam menggalakkan umatnya agar memaksimumkan keupayaan akal kurniaan Allah ﷻ untuk sentiasa berfikir dan bersikap kritis dalam menangani sesuatu perkara berpandukan ilmu dan fakta yang sahih. Dengan itu, kita diberi kemampuan untuk berusaha mencari pendekatan terbaik bagi mengurus perbezaan pendapat dan menghadapi kepelbagaian yang pasti

wujud dalam kehidupan. Slogan ‘perpaduan dalam kepelbagaian’ perlu dihayati agar kita saling menghargai perbezaan yang wujud dan menyantuni sesama kita. Ianya bertepatan dengan kenyataan Syeikh Rasyid Ridha yang bermaksud: *"Kami bertolong-tolongan dalam isu yang kami sepakat padanya dan kami saling berlapang dada pada perkara yang berselisih tentangnya."* Ini adalah bertepatan dengan firman Allah ﷻ dalam surah al-Maidah ayat 2:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ﴾

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.*

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Dalam konteks negara Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi, ia harus menjadi pentas untuk kita mengaplikasikan adab berbeza pendapat dan meraikan kepelbagaian aliran pemikiran yang wujud. Kata Syeikh Ahmad Ar-Raysouni dalam bukunya al-Fikr al-Maqasidiy: *“Demokrasi mengajar kita supaya bersikap tawadhu dan tidak taasub kepada pandangan sendiri, berlapang dada, hormat-menghormati dan sentiasa membuka ruang perbincangan dan perdebatan agar suatu keputusan atau ketetapan terbaik dapat diambil.”*

Oleh yang demikian, kajian dan penelitian yang mendalam berkenaan sesuatu isu mestilah dipastikan ketepatannya melalui *tabayyun* iaitu dengan memeriksa, meneliti dan merujuk kepada sumber yang paling dipercayai agar kita tidak melakukan kezaliman dan menghukum secara salah. Firman Allah ﷻ dalam surah al-Hujurat ayat 6:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَاٍ فَتَبَيَّنُوْا اَنْ تُصِيْبُوْا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِحُّوْا عَلٰى مَا فَعَلْتُمْ
نَدِيْمِيْنَ ﴿٦﴾

Maksudnya: *“Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang yang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada kaum dengan sebab kejahilan kamu sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu lakukan”.*

Selain itu, kita juga mesti menjaga adab atau sikap yang berkait dengan *tabayyun* agar tidak terjerumus dalam kancah fitnah. Elakkan diri daripada mendengar khabar angin, persepsi dan prasangka serta tidak menyebarkan mesej yang tidak bertanggungjawab menerusi mana-mana saluran media. Sebab itulah, prinsip *tabayyun* diseiringkan dengan ayat yang menuntut bersangka baik dan tidak mudah menjatuhkan hukum atau kesimpulan sebagaimana firman Allah ﷻ menerusi ayat 12 dalam surah yang sama yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa.”

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Perlembagaan Persekutuan yang menjadi kontrak sosial seluruh rakyat Malaysia telah mengangkat kesucian Islam sebagai Agama Persekutuan. Justeru ia perlu dihormati oleh segenap lapisan masyarakat dan dalam masa yang sama turut saling menyantuni kepelbagaian yang sedia wujud selaras dengan gagasan *Rahmatan Lil Alamin*.

Kebebasan berfikir dan meraikan kepelbagaian pendapat mempunyai asas yang kukuh dalam Islam. Namun, ia tidak mungkin bersifat mutlak dan tetap mempunyai batas dan sempadan yang tidak boleh dilanggar. Setiap daripada kita perlu patuh dengan undang-undang dan peraturan sedia ada, Ingatlah, kita bukan hidup dalam keterasingan tetapi perlu menghormati satu sama lain, semua kaum tidak harus merasa terancam untuk mengamalkan agama dan budaya masing-masing, serta tidak perlu kluatir akan kehilangan identiti mereka. Kita tidak perlu mencari titik perselisihan tetapi harus mencari titik pertemuan yang boleh menyatupadukan ummah.

Menyantuni kepelbagaian termasuk juga menyantuni golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Justeru, sempena **hari OKU sedunia** yang disambut pada 3 Disember yang lalu, mimbar mengajak masyarakat agar menyedari

bahawa golongan OKU merupakan sebahagian daripada masyarakat dan mereka berhak untuk menikmati hak asasi seperti orang lain. Kita semua berperanan untuk menyantuni golongan ini bagi memastikan mereka tidak terpinggir dan terabai serta dapat menjalani kehidupan dengan sempurna.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar mengajak sidang jemaah sekalian agar bersama-sama memelihara dan mempertahankan keharmonian negara. Kepelbagaian ciptaan Allah ﷻ menjadi kekuatan untuk kita meneruskan kehidupan dengan semangat kasih sayang seiring dengan gagasan *Rahmatan Lil Alamin*. Firman Allah ﷻ menerusi surah al-Mumtahanah ayat 8-9:

﴿لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِينِكُمْ أَنَّ تَبَرُّوهُمْ وَيُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ
اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾ إِنَّمَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم مِّن دِينِكُمْ وَظَاهَرُوا
عَلَيْكُمْ إِخْرَاجَكُمْ أَن تَوَلَّوهُمْ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾﴾

Maksudnya: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agamamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halamanmu, serta mereka membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا
وَأَمْرًا :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا ﴾

“Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya bersalawat kepada Nabi; wahai orang yang beriman, bersalawatlah kamu kepadanya serta mohonkanlah kesejahteraan dengan sepenuh penghormatan.”

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا
بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيَّ بْنَ
أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى
مَلِكِنَا، كِبَاوَه دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ كَلِيمَا بَلَسْ،
سُلْطَانِ مُحَمَّدِ كَلِيمَا وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ

وَكَذَلِكَ عَلَى دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سُلْطَانِ نَزْرِينَ مُعَزُّ الدِّينِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ
أَزْلَنْ مُحِبُّ الدِّينِ شَاهِ الْمَغْفُورِ لَهُ، تَيْمَبَالَنْ يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغْ، وَعَلَى دُولِي يَغِ مَهَا
مَوْلِيَا رَاجِ قَرْمَايسُورِي فِيرِقِ دَارِ الرِّضْوَانِ تَوَانِكُو زَارَا سَالِيمِ.

اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمْ مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمْ لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَا لِيَزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً، يَا رُؤُوفَ بِالْعِبَادِ.
اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمَفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ
رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ ﷺ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ
الدِّينِ، اللَّهُمَّ أَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالطُّغَاةَ وَالظَّالِمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا
فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ، اللَّهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحِّدْ
صُفُوفَهُمْ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan-Mu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,

Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami,kekalkanllah perpaduan dalam kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾

﴿ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾

عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.